

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HJ. NASRUDIN BIN
HASSAN [TEMERLOH]**

SOALAN :

YB Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pesara kerajaan yang telah tamat perkhidmatan dan diberhentikan kerana penswastaaan dari tahun 2010 hingga 2014.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 sehingga 2014, seramai 2,110 penjawat awam telah dibersarakan. Ini ekoran dari penswastaan perkhidmatan tertentu di bawah beberapa buah majlis daerah, majlis perbandaran, jabatan dan kementerian.

Di bawah Rancangan Penswastaan Pengurusan dan Pelupusan Sisa Pepejal, perkhidmatan pengurusan dan pelupusan sisa pepejal di Majlis Daerah Yan, Majlis Perbandaran Langkawi dan Majlis Perbandaran Kangar telah diswastakan. Sementara itu, dua (2) buah jabatan bekalan air negeri iaitu Jabatan Bekalan Air Kedah dan Jabatan Bekalan Air Pahang turut dikorporatkan di bawah program Pengkorporatan Bekalan Air.

Beberapa kementerian juga melaksanakan rancangan penswastaan perkhidmatannya iaitu:

- (a) Kementerian Pertahanan (MINDEF) telah menswastakan perkhidmatan catering Rumah Masak Angkatan Tentera Malaysia di bawah Rancangan Penswastaan Kementerian Pertahanan;
- (b) Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menswastakan Worksyop Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan; dan

- (c) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga terlibat di bawah Rancangan Pengkorporatan *National Institutes of Biotechnology Malaysia* (NIBM).

Sebagai Kerajaan yang prihatin, Kerajaan tidak akan mengabaikan kebajikan penjawat awam yang dibersarakan akibat penswastaan. Mereka akan dibayar faedah persaraan apabila mencapai umur 45 tahun bagi pegawai perempuan dan 50 tahun bagi pegawai lelaki.

Sekian. Terima kasih.